

BAB 3

PERKEMBANGAN SEKOLAH PONDOK

Proses Dan Manifestasi Pendidikan Pondok Di Alam Melayu

Perkembangan awal pendidikan masyarakat Muslim boleh dilihat di Makkah pada zaman Rasulullah S.A.W. Islam telah membawa perubahan yang jelas kepada masyarakat Arab pada masa tersebut. Perubahan tersebut bersama-sama dengan ajaran-ajaran Islam telah membawa kepada kemunculan institusi-institusi tertentu untuk menyebarkan ajaran agama yang baru bertapak, Islam. Institusi pendidikan yang paling awal ialah masjid. Di dalam masjid, pengajaran-pengajaran yang dijalankan dikenali sebagai *zawiyah*. Pelajar-pelajar dari segenap lapisan masyarakat belajar Tafsir al-Quran, Hadis, Teologi dan Tasawuf dari ulama-ulama terkenal. Ada pelajar-pelajar dari Alam Melayu yang menghadiri *zawiyah* dalam usaha mendalami pengetahuan agama. Kemudian, apabila kembali ke tanahair, mereka mewujudkan sistem *zawiyah* untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat tempatan. Tetapi, sistem tersebut diberikan nama baru iaitu 'Sistem Pondok' untuk menyesuaikan dengan suasana tempatan. Dengan cara ini, institusi pondok muncul dan berkembang di Alam Melayu. (Nabir Abdullah, 1983:2).

Institusi pondok merupakan kesinambungan pendidikan yang dijalankan di masjid dan surau. Institusi ini merupakan institusi pendidikan Islam yang unggul dan bertahan selama lebih kurang satu abad di Alam Melayu. Pengajian di sini tidak hanya terhad kepada golongan kanak-kanak seperti sekolah mengaji al-Quran, tetapi juga membuka peluang belajar kepada golongan dewasa dan warga tua. Para pelajar yang tamat belajar di sesebuah sekolah pondok akan berpindah ke pondok lain untuk

menimba ilmu pengetahuan baru. Ada juga pelajar-pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Timur Tengah.

Perkataan pondok kemungkinan besar berasal dari bahasa Arab yang membawa erti rumah tumpangan, hotel, atau tempat menginap pengembara-pengembara (al-Marbawi, 1354 H/1903 M : 104) Ia juga bermaksud dangau yang didirikan untuk sementara waktu dan biasanya berdindingkan buluh dan beratap rumbia (Kamus Dewan, 1998 : 1050). Pondok juga bererti rumah-rumah kecil untuk para pelajar. Pondok dikenali juga sebagai *langgar*. Dalam bahasa Indonesiaa, *langgar* bererti surau. Di Madura, institusi pendidikan Islam tradisional dikenali sebagai *pejantren* sementara di Jawa dipanggil *pesantren*. *Pesantren* berasal daripada perkataan *santri* yang bererti pelajar agama. Oleh itu, *pesantren* merupakan tempat berkumpul dan menginap bagi santri-santri atau asrama bagi pelajar agama. Di Minangkabau, istilah surau digunakan manakala pondok di Aceh pula dikenali sebagai *Ranggang*. (Abdullah Ishak, 1995 : 197-198)

Daripada terminologi di atas, dapatlah difahami bahawa perkataan pondok boleh didefinisikan sebagai sebuah kawasan yang terdapat di dalamnya institusi pengajian Islam yang berbentuk tradisional. Terdapat rumah-rumah kecil yang mempunyai bentuk hampir sama didirikan secara berasingan. Rumah-rumah ini didirikan secara tersusun berhampiran dengan rumah tuan guru dan surau atau masjid. Rumah kecil tersebut merupakan tempat penginapan para pelajar, sementara surau atau masjid merupakan tempat belajar di samping beribadat. Semua komponen bangunan-bangunan tersebut yang terletak dalam sebuah kawasan dikenali sebagai pondok. Pertumbuhan pengajian pondok merupakan hasil cetusan evolusi pendidikan Islam yang berpusat di rumah, surau atau masjid.

Sesebuah institusi pondok biasanya terbentuk hasil dari gotong-royong masyarakat setempat, atau ditubuhkan oleh ulama dari Patani atau Sumatera. Serentak dengan kewujudan sesebuah sekolah pondok, perkampungan baru akan terbentuk atau perkampungan yang sedia ada akan diperkukuhkan. Contohnya, Pondok Lebai Mat Hutan Palas yang ditubuhkan pada tahun 1946 Masihi tidak jauh dari Pekan Kodiang telah menukar wajah daerah sekitarnya yang sebelum ini dipenuhi semak-samun tetapi kemudiannya telah menjadi sebuah perkampungan. Golongan-golongan seperti penghulu, penggawa, hartawan dan ibubapa menyokong kuat penubuhan dan penerusan sistem pondok. Ada juga golongan istana yang berminat dalam memperkembangkan sistem persekolahan pondok terutamanya jika tuk guru sesebuah pondok itu merupakan pakar rujuk bagi sultan-sultan. Begitulah halnya dengan pondok di Pulau Manis yang ditubuhkan oleh seorang guru terkenal di Terengganu, iaitu Syeikh Abdul Malik bin Abdullah. (Mohammad Abu Bakar, 1995: 1167-1168)

Kewujudan institusi pondok sebenarnya bermula apabila ada seorang yang berilmu pengetahuan di sesuatu daerah di mana para pelajar akan bertumpu ke rumahnya untuk menuntut ilmu. Namun demikian, apabila bilangan pelajar semakin bertambah, suasana rumah tidak lagi sesuai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana rumah tuk guru tidak dapat lagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat, maka didirikan pondok-pondok sebagai tempat penginapan pelajar-pelajar dan surau sebagai tempat belajar berdekatan dengan rumah tuk guru. Ini untuk memudahkan pelajar-pelajar mempelajari kitab bersama tuk guru dan menunaikan sembahyang berjemaah di surau. Di samping itu, perkara ini juga memudahkan tuk guru untuk mengawal para pelajar.

Kadangkala, rumah tuk guru secara kebetulan hampir dengan masjid. Apabila bilangan pelajar kian bertambah dan rumah tuk guru semakin sesak, maka masyarakat setempat menyuruh tuk guru menyampaikan pelajaran di masjid pada waktu-waktu yang ditetapkan. Biasanya pondok yang terdapat di Tanah Melayu terletak di tengah-tengah sebuah kampung. Menurut Awang Had Salleh, kawasan tersebut biasanya merupakan kawasan penanaman padi yang terletak pula berhampiran dengan sungai. (Awang Had Salleh, 1977:46) Di sesetengah tempat, terdapat pondok-pondok yang didirikan di tanah yang luasnya beberapa ekar. Di tengah-tengah kawasan tersebut, terdapat rumah kayu yang agak besar, iaitu kediaman tuk guru. Selain dari itu, rumah-rumah guru-guru pembantu biasanya didirikan berhampiran dengan rumah tuk guru. (Abdullah Alwi Haji Hassan, 1980:192)

Berhampiran dengan rumah-rumah guru, madrasah atau balaisah didirikan sebagai tempat belajar atau bersembahyang jemaah. Berhampiran dengan pintu masuk bangunan ini, terdapat beduk atau ketuk-ketuk yang dipalu bagi menandakan masuk waktu sembahyang atau memberikan maklumat-maklumat lain termasuklah kematian. Bangunan ini juga mempunyai dua kolah berasingan untuk lelaki dan perempuan, di mana mereka membasuh kaki sebelum melangkah ke atas rumah atau berwuduk untuk sembahyang. (Awang Had Salleh, 1977:34)

Di sekeliling kawasan tersebut, didirikan pula pondok-pondok untuk para pelajar. Di sesetengah tempat, pondok-pondok murid didirikan secara *ad hoc*. Tetapi pada kebiasaannya, pondok-pondok kecil didirikan secara berasingan dan berderetan di sekeliling rumah tuk guru dengan surau atau balaisah sebagai pusatnya (Abdullah Ishak, 1995 : 199-200) Terdapat juga parit kecil yang mengalirkan air hujan ke sungai atau anak sungai. Pondok-pondok tersebut didirikan secara berdekatan, kadang-kadang

berjarak dua atau lima kaki di antara sebuah pondok dengan pondok yang lain. Ada pondok yang hampir bertemu cucur atapnya. (Awang Had Salleh, 1977:34-35)

Kediaman guru dan pondok murid-murid merupakan rumah kampung, bertiang dan berdinding papan serta berbumbung atap nipah. Sesetengah pondok murid hanya berdindingkan atap nipah. Biasanya, terdapat sebuah kedai runcit dalam kawasan pondok untuk kemudahan pemondok-pemondok. Biasanya, kedai tersebut dikendalikan oleh murid-murid pondok itu sendiri. (Awang Had Salleh, 1977:35)

Biasanya, pondok murid-murid didirikan di dua kawasan berasingan. Di kawasan sebelah hadapan rumah guru, pondok-pondok untuk pelajar lelaki bujang didirikan. Kawasan ini dinamakan 'Pondok Luar'. Sementara itu, di kawasan belakang pula, didirikan pondok-pondok berbentuk rumah biasa yang agak kecil untuk murid-murid yang sudah berkeluarga. Kawasan ini pula dikenali sebagai 'Pondok Dalam' (Awang Had Salleh, 1977:35)

Pusat-pusat Pertumbuhan Institusi Pengajian Pondok di Alam Melayu

Sistem pengajian pondok telah wujud di Melaka sejak zaman kegemilangannya, iaitu pada kurun ke-15 Masihi. Menurut catatan sejarah, Kerajaan Melayu Melaka terkenal sebagai pusat ilmu pengetahuan dan penyebaran Islam di Alam Melayu. Banyak pelajar-pelajar tempatan dan dari luar berkunjung ke Melaka untuk menuntut ilmu. Apabila Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511 Masihi, Aceh menggantikan Melaka sebagai kuasa politik dan sekaligus berfungsi sebagai pusat pengajian dan pendidikan Islam di kepulauan Melayu. (Abdullah Ishak, 1990 : 176-177)

Sejarah perkembangan ilmu pengetahuan di Aceh bermula sejak zaman kerajaan Islam

di Perlak dan Pasai dan mencapai kegemilangannya pada zaman kerajaan Aceh pada abad ke-17 Masihi iaitu semasa pemerintahan Iskandar Muda Mahkota Alam. (Mahmud Junus, 1960:151)

Kemajuan Aceh sebagai pusat ilmu pengetahuan terkemuka di rantau ini ditandai oleh kemunculan institusi-institusi pendidikan dalam pelbagai peringkat yang dikenali sebagai *meunasah* (sekolah rendah), *rangrang* (sekolah menengah) dan *balee* (institusi tinggi). Cantuman beberapa *rangrang* dan *balee* akan membentuk institusi yang dipanggil *dayah*. *Dayah* terawal ialah *Dayah Lok Kala* yang dipercayai diasaskan oleh Teungku Chik Muhammad pada akhir abad ke-10 Masihi iaitu pada zaman kerajaan Perlak. (Azyumardi Azra, 1997:156, Abdullah Ishak, 1995:189)

Masjid-masjid di Aceh juga berperanan sebagai pusat pendidikan tinggi dan mempunyai beberapa fakulti. Ini termasuklah Masjid Bayt al-Rahim, Masjid Bayt al-Mushahadah dan Masjid Bayt al-Rahman. Fenomena ini mempunyai persamaan dengan masjid-masjid di Timur Tengah yang berfungsi sebagai pusat pengajian agama Islam seperti Jami' al-Azhar di Kahirah, Jami al-Mansur di Baghdad dan Jami Umami di Damsyik.

Guru-guru yang terdapat di Aceh datang dari pelbagai negara termasuklah dari Tanah Arab, Parsi, Turki dan India. Antara ulama termashyur di Aceh termasuklah Abu al-Khayr Ibn Hajar dan Muhammad Yamani dari Makkah, manakala Muhammad Jailani Ibn Hasan Muhammad al-Humaydi pula berasal dari Gujerat. (Azyumardi Azra, 1997:169, Abdullah Ishak, 1995:190) Para pelajar datang dari pelbagai tempat termasuklah Minangkabau, Melaka, Patani, Perak, Kedah dan Bantam. (Hamka, 1963 : 182-183) Akhirnya, berlaku kejatuhan kerajaan Aceh apabila meletusnya Perang

Paderi (1821-1838 Masihi) dan Perang Aceh (1878-1904 Masihi) di Sumatera. Peristiwa tersebut menyebabkan kebanyakan ulama Aceh melarikan diri ke Patani.

Oleh itu, Patani telah menggantikan Aceh sebagai pusat ilmu pengetahuan menjelang kurun ke-19 Masihi dan kurun ke-20 Masihi. (Fraser, Thomas M., 1966 : 1-2, Ismail Hamid, 1997:208). Banyak institusi pengajian pondok didirikan di Patani dan seterusnya fenomena ini menular ke negeri-negeri di utara Semenanjung Tanah Melayu kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Patani. (Abdullah Ishak, 1990:177) Antara pondok yang terkenal di Patani ialah Dala, Bermin, Semela, Dual dan Teluk Manak. Ulama-ulama Patani termasuklah Syeikh Daud Abdullah al-Fatani, Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin al-Fatani dan Syeikh Muhammad Ismail Daud al-Fatani. Mereka merupakan ulama terbilang dan berkesempatan mengajar di Masjid al-Haram. Ini menyebabkan banyak pelajar datang dari pelbagai negara termasuklah dari Sri Lanka, Burma, Kemboja, Vietnam, Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia. Ada di kalangan para pelajar tersebut merupakan putera-putera raja.

Perkembangan Institusi Pondok Di Tanah Melayu

Institusi pengajian pondok amat popular di kalangan masyarakat Melayu selama lebih kurang 100 tahun, iaitu dari separuh kedua abad ke-19 Masihi hingga pertengahan abad ke-20 Masihi. Selain dari mendapat kedudukan *integral* serta simbiotis dalam konteks pendidikan pada masa tersebut, institusi pondok juga merupakan pusat pelbagai aspek kehidupan tradisional. Ini kerana sesebuah sekolah pondok menjadi perhatian orang luar, melahirkan pengaruh serta mengembangkan nilai dan menjadi pusat perjalanan sosial dalam sesebuah daerah. Pada masa tersebut, wujud pertalian dan


perhubungan antara sebuah pondok dengan pondok yang lain. Gabungan pondok-pondok tersebut mewujudkan entiti besar yang bertindak menentukan arah perkembangan pendidikan dan kehidupan. Oleh yang demikian, pondok berupaya mencorakkan kegiatan kehidupan. Ada pondok yang terletak berasingan dengan pusat-pusat sosial seperti pekan, bandar, kota unit pentadbiran dan seumpamanya, dan ada juga pondok yang terletak di tengah-tengah pusat sosial berkenaan, tetapi tegak dengan identitinya sendiri. (Mohammad Abu Bakar, 1995:1164-1165)

Institusi pendidikan pondok yang berasal dari Patani telah disebarkan ke negeri-negeri di utara Semenanjung Tanah Melayu meliputi Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu . Selain dari itu, institusi ini juga wujud di Indonesia dan dikenali sebagai pesantren. Pada permulaan kurun ke-19 Masihi, kebanyakan ulama yang mengasaskan institusi pendidikan pondok mendapat pendidikan daripada institusi pendidikan Islam di Makkah, Madinah, Aceh atau Patani.

Negeri Terengganu memang terkenal sejak lama sebagai pusat pengajian Islam tradisional di Tanah Melayu. Pengajian pondok di Terengganu dipercayai mula diasaskan pada kurun ke-17 Masihi oleh Tuk Ku Pulau Manis sebaik sahaja beliau pulang dari Makkah.(Mohammad Abu Bakar, 1991:53) Ini jelas membuktikan bahawa Terengganu merupakan negeri terawal di Tanah Melayu yang menjadi pusat pengajian Islam. Kejatuhan Patani ke tangan Siam pada tahun 1832 Masihi menyebabkan banyak para ulama berhijrah ke Terengganu. Ini termasuklah Daud bin Abdullah al-Fatani dan keluarganya yang bertempat di Sungai Duyung, Abdul Qadir di Bukit Bayas dan Haji Wan Abdullah Amin serta keluarga di Sungai Duyung (yang lebih dikenali sebagai Tok Syeikh Duyung) (Abdullah Ishak, 1995 :192)



Gambar 1 Seorang ulama pondok,
Tuk Kenali. Sumber: Zainal
Abidin bin Abdul Wahid *et al.*,
1992, *Sejarah*, Kuala Lumpur
:DBP, hal. 193



Gambar 2 Sekolah Pondok di Kelantan. Sumber: Intan, 1991,
Malaysia Kita, Kuala Lumpur: Intan, hal.771

Tokoh-tokoh ulama dari keturunan Sayyid al-Idrus yang banyak berjasa terhadap perkembangan pengajian agama Islam ialah Sayyid Muhammad Zainal Abidin (1795-1879 Masihi) yang terkenal dengan gelaran Tokku/Tuan Besar, serta anaknya, Sayyid Abdul Rahman (1817-1917 Masihi) yang terkenal dengan gelaran Tokku Paloh, Sayyid Mustafa (Tokku Tuan Dalam) dan Sayyid Ahmad bin Muhammad al-Idrus (Tokku Melaka). (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 29, Mohammad Abu Bakar, 1980 : 34-39).

Pada kurun ke-19 Masihi, perkembangan pesat institusi pondok berlaku dengan tertubuhnya sekolah-sekolah pondok di Sungai Rengas, Bukit Bayas dan Kampung Tebauk. Pada kurun ke-20 Masihi, sekolah-sekolah pondok didirikan pula di Bukit Putri, Alor Keladi dan Jertih. (Mohammad Abu Bakar, 1995:1166) . Menurut Abdullah Jusuh, antara pondok-pondok yang terkenal di Terengganu ialah Pondok Haji Zainal Abidin di Dungun, Pondok Haji Ali Atas Tol dan Pondok Haji Wan Abdul Latif di Besut.(Abdullah Jusuh, 1990:10)

Sementara itu, Kelantan pula merupakan pusat pengajian Islam yang terulung di Tanah Melayu sehingga digelar 'Serambi Makkah'. (Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, 1980 : 19) Menurut catatan sejarah, tokoh yang mempelopori persekolahan pondok di Kelantan ialah Syeikh Haji Abdul Halim yang merupakan anak angkat Sultan Long Yunus (1762-1794 Masihi), dan kemudiannya menjadi penasihat kepada Sultan Muhammad 1(1818-1837 Masihi) (Abdul Halim Ahmad, 1985 : 39-40).

Walau bagaimanapun, pengajian pondok di Kelantan dianggap bermula apabila Tuan Haji Abdul Samad bin Faqih Haji Abdullah (1792-1873 Masihi) atau lebih terkenal dengan gelaran 'Tok Pulau Condong' menubuhkan pondok pada tahun 1820



Gambar 3 Pemandangan suatu kawasan pondok masa kini di Pasir Tumbuh, Kota Bharu, Kelantan. Pondok ini dikelolakan oleh Tuan Guru Haji Mustapha dan Tuan Guru Haji Abdul Aziz. Sumber: Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 1980, 'Islam Dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1933', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal.20



Gambar 4 Pondok-pondok di Pasir Tumbuh secara lebih dekat dan jelas. Sumber: Nik Abdul Aziz Nik Hassan, 1980, 'Islam Dan Masyarakat Kota Bharu Di Antara Tahun 1900-1933', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal.20

Masihi di Pulau Chondong yang terletak di jalan Kuala Krai-Kota Bharu. Beliau telah mewakafkan tanahnya sebagai tempat untuk didirikan pondok-pondok. Beliau juga mendirikan sebuah masjid sebagai tempat pengajian. Selain dari pelajar-pelajar yang datang dari Patani dan negeri-negeri di Semenanjung, ada juga para pelajarnya yang datang dari tempat yang jauh seperti Kampar, Sumatera dan Kampuchea. (Abdul Halim Ahmad, 1985 : 45)

Institusi pondok di Kelantan berkembang maju pada tahun 1909 Masihi dengan kepulauan ulama yang menuntut di Timur Tengah dan Patani. Antaranya ialah Tok Selehor, Tok Bachok, Tok Kemuning, Tok Seridit, Tok Padang Jelapang, Tok Kenali, Haji Omar Ismail Nuruddin al-Kelantani, Haji Musa Atas Paloh, Haji Ibrahim Mufti, Haji Wan Musa, Haji Nik Mahmud bin Ismail, Haji Mohd. Said dan Nik Mohd. Fadzil. (Abdul Halim Ahmad, 1985 : 50) Haji Mohamad Yusuf atau Tuk Kenali sangat popular di kalangan pelajar pondok. Para penuntut yang berguru kepadanya datang dari Kampar, Sumatera, Kemboja, Patani dan Semenanjung Tanah Melayu. Setelah tamat pengajian, ada di kalangan pelajar yang mendirikan pula pondok-pondok di daerah masing-masing termasuklah di Seberang Perai, Kedah, Perak dan Melaka.

Walaupun kebanyakan orang berpendapat bahawa sistem persekolahan pondok mula berkembang di Terengganu dan Kelantan, namun ada catatan sejarah yang membuktikan bahawa Kedah juga telah mempunyai institusi pendidikan pondok sejak kedatangan agama Islam ke negeri tersebut. Pada mulanya, pedagang-pedagang Arab mendirikan rumah-rumah persinggahan di pesisiran pantai. Rumah persinggahan tersebut bukan sekadar menjadi pusat penginapan sementara bagi pedagang-pedagang, tetapi juga sebagai pusat menuntut ilmu pengetahuan bagi masyarakat setempat kerana ada di kalangan para pedagang tersebut yang merupakan alim ulama.

Pusat pengajian ini berperanan lebih aktif apabila ulama-ulama dari Patani, Aceh, Makkah dan Mesir datang ke Kedah pada kurun ke-19 Masihi lagi. (Abdullah Ishak, 1995 :194) Di antara ulama terawal yang melibatkan diri dalam institusi pengajian pondok termasuklah Syeikh Abdul Jalil bin Abdul Wahab dari Palembang yang dilantik sebagai Mufti Kedah selepas tahun 1700 Masihi serta anaknya Wan Abdul Qadir yang dilantik sebagai pengganti ayahnya. Seorang lagi anak Syeikh Abdul Jalil yang turut melibatkan diri dalam pengajian pondok ialah Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Apabila mengetahui bahawa Kedah sedang diancam Siam pada tahun 1832 Masihi, Syeikh Abdul Samad yang ketika itu berada di Makkah dan baru sahaja selesai menyusun sebuah risalah tentang keutamaan jihad di jalan Allah SWT terus berangkat ke Patani untuk menyertai perang jihad di situ.

Selain ulama dari Palembang, terdapat juga ulama dari Banjarmasin di Kedah. Antara yang terkenal ialah Haji Mas'ud bin Abu Su'ud, cucu Syeikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari (1710-1812 Masihi). Setelah dilantik sebagai panglima negeri Kedah, beliau telah berjihad mempertahankan negeri Kedah dari ancaman Siam pada tahun 1821 Masihi yang berakhir dengan kematiannya. Menurut catatan sejarah, Haji Mas'ud dianggap sebagai pelopor sistem pendidikan pondok di Kedah. Namun anaknya Muhammad Taib memainkan peranan yang lebih jelas sebagai pengasas institusi pondok di Kedah. Beliau tidak hanya membuka pondok di Titi Gajah pada tahun 1870-an Masihi, tetapi juga merupakan pengarang kitab. Pada tahun 1870 Masihi, beliau telah dilantik sebagai Mufti negeri Kedah.

Menurut fakta sejarah, ulama Patani memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan pondok di Kedah. Perkara ini berlaku memandangkan negeri Kedah pernah diperintah secara langsung oleh Siam selama 22 tahun mulai tahun 1821

Masihi hingga tahun 1843 Masihi (Khoo Kay Kim, 1970:66) Di antara ulama Patani yang terawal di Kedah ialah Haji Wan Ishak yang memimpin pondok di Pulau Pisang. Kebanyakan bekas pelajar pondok ini telah membuka pondok-pondok di tempat lain di Kedah.

Oleh kerana telah mempunyai asas-asas yang kukuh, sistem pengajian pondok di Kedah terus mengalami perkembangan pesat. Banyak tokoh-tokoh ulama yang muncul. Antara yang paling popular ialah Tuan Hussein bin Nasir (1863-1935 Masihi). Pada mulanya, beliau mengajar di pondok datuknya di Titi Gajah .Kemudian, antara tahun 1897-1829 Masihi, beliau telah mengasaskan pondok di pelbagai tempat : Alor Ganu (1897 Masihi), Bohor (1900 Masihi), Bagan Ulu yang kini dinamakan Pantai Merdeka (1912 Masihi), Selengkoh, Sungai Limau (1920 Masihi), Batu Enam Belas, Padang Lumat (1924 Masihi) dan Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai (1929 Masihi). (Khoo Kay Kim, 1980 : 12) Seorang lagi ulama pondok yang terkenal ialah Haji Wan Sulaiman bin Sidek (1874-1935 Masihi) yang menjadi Syeikh al-Islam Kedah selama 30 tahun sehingga beliau meninggal dunia. Kedua-dua tokoh tersebut bergiat aktif dalam penulisan. Menjelang tahun 1870-an Masihi, terdapat lebih kurang 10 buah pondok di Kedah termasuklah pondok di Yan, Titi Gajah, Pokok Pisang dan Langgar.(Mohammad Abu Bakar, 1995:1166)

Sistem pengajian Islam tradisional juga berkembang di Perlis. Menurut Khoo Kay Kim (1970:66), semasa pemerintahan Siam, Perlis diwujudkan daripada satu wilayah Kedah, iaitu Kubang Pasu. Institusi pondok didirikan di Arau, Kampung Sena, Padang Belukar, Kampung Bohor Cicar, Kampung Darat, Bohor Mali, Padang Siding, Kampung Baru dan Kampung Hutan Palas. Antara ulama pondok yang popular ialah Haji Muhammad bin Haji Mohd. Arshad, Haji Muhammad bin Haji Saman yang digelar

'*al-Qastalani*', Haji Abdul Latif bin Syeikh Amar al-Khatib al-Hadrami, Haji Muhammad Rejab bin Haji Muhammad, Haji Ishak bin Haji Che Tam dan Haji Ismail Naib bin Salim. (Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998: 422)

Di Pulau Pinang yang juga pada asalnya merupakan sebahagian dari negeri Kedah, perkembangan pondok berjalan seiring dengan perkembangan pondok di Kedah dan Patani. Antara ulama pondok yang terkenal ialah Tuan Haji Zainal Abidin Patani yang mengasaskan Pondok Tuan Minal di Permatang Sungai Dua dan Hj. Abdullah Fahim yang mengasaskan pondok di Kepala Batas. Sementara itu, Pondok Madrasatul Manabil Ulum pula diasaskan oleh Syeikh Othman Jalaluddin di Penanti. (Dr. Fadhlullah Jamil, 1994 : 79)

Negeri Perak turut menyaksikan kemunculan institusi pondok. Sebenarnya, sejak kurun ke-16 Masihi lagi (iaitu pada zaman Sultan Muzaffar Shah 1), terdapat seorang guru dari Kampar, Sumatera, yang bernama Syeikh Ibrahim Mahmud. Dengan keizinan Sultan, beliau telah mendirikan sebuah surau sebagai tempat pengajian di Bota Kanan, Parit. Kemudian, sekolah pondok secara jelas wujud pada kurun ke-17 Masihi iaitu semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah 11 (1636-1653 Masihi). Pada masa ini, pondok-pondok didirikan di Teluk Bakong, Teluk Sareh dan Tebing Pulaui oleh ulama dari Aceh.

Menjelang awal kurun ke-19 Masihi, sebuah institusi pondok telah didirikan oleh Syeikh Tuan Haji Junus dari Sumatera, dan kesannya masih terdapat di Batu Hampar, berhampiran Malim Nawar (Badriyah Haji Salleh, 1984: xxiv-xxv). Pada tahun 1918 Masihi, seorang ulama yang berasal dari Selangor, Haji Yusuf Shahabuddin

telah mendirikan sekolah pondok di Selekoh, sebaik sahaja beliau pulang dari menimba ilmu di Makkah. (Ismail Mat dan Ideris Endut, 1993 : 121)

Selain dari itu, kehadiran guru-guru dari Arab dan Indonesia seperti dari Jawa, Sumatera dan Banjar turut menyumbang kepada kemajuan institusi pondok di Perak. (Mohammad Abu Bakar, 1995: 1166, Abdul Rahman Haji Abdullah, 1998:33) Kiyai Haji Salleh bin Abdul Rahman, yang berasal dari Jawa telah mendirikan surau dan pondok di Temoh, Perak pada tahun 1912 Masihi. Kemudian, pada tahun 1926 Masihi, seorang ulama dari Sumatera iaitu Tuan Haji Sheikh Idris al-Marbawi telah membuka sekolah pondok di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar. Menjelang 1930-an Masihi, sekolah pondok didirikan pula di Kuala Kurau dan Tanjung Piandang. Kebanyakan guru-guru di kedua-dua sekolah tersebut adalah mereka yang berketurunan Banjar dan mendapat pendidikan dari Makkah. Pada tahun 1932 Masihi, sebuah lagi pondok dibawah pimpinan Tuan Sheikh Junid Tola telah dibuka di Kampung Lalang, Padang Rengas pada tahun 1932 Masihi. Tuan Sheikh Junid Tola berasal dari Mendiling, Sumatera dan mendapat pendidikan dari Universiti al-Azhar, Mesir (Badriyah Haji Salleh, 1984:xxv-xxvi). Pondok yang terkenal di Perak ialah Pondok al-Rahmaniah yang terletak di Gunung Semanggol. Pondok ini ditubuhkan oleh Ustaz Haji Abdul Rahman bin Mahmud yang pernah menuntut di Asia Barat selama 15 tahun. (Nabir bin Haji Abdullah, 1976 :29)

Perkembangan institusi pengajian pondok di negeri-negeri lain tidaklah begitu pesat seperti yang berlaku di negeri-negeri di pantai timur dan utara Semenanjung. Walau bagaimanapun, terdapat juga tokoh-tokoh ulama dan institusi pondok yang terkenal di negeri-negeri tersebut.

Kegemilangan Institusi Pondok

Sebagai institusi pendidikan tradisional yang bermula di Tanah Melayu pada awal abad ke-19 Masihi, banyak sekolah-sekolah pondok telah didirikan bagi memberikan pendidikan Islam kepada masyarakat tempatan. Ada di antara pondok-pondok tersebut yang masih bertahan dan tidak kurang juga yang telah ditutup berikutan kurangnya sambutan masyarakat.

Antara pondok yang terkemuka di Tanah Melayu ialah Pondok *Manabi 'al-'Ulum* di Penanti, Bukit Mertajam. Menurut catatan sejarah, tuan guru pondok ini iaitu Syaikh Uthman Jalaluddin merupakan seorang guru terkenal di *Masjid al-Haram*. Beliau mengajar agama kepada jemaah haji Melayu dan Indonesia. Pada suatu hari, dua orang jemaah haji dari Penanti datang bertemu Syaikh Uthman dan menjemputnya untuk mengajar di daerah Penanti. Setelah mendapat persetujuan keluarganya, maka Syaikh Uthman berangkat ke Penanti dan mendirikan sebuah pondok yang diberi nama *Manabi 'al-'Ulum wa Matali' al-Nujum* (Tempat Terpancarnya Ilmu Pengetahuan dan Tempat Munculnya Bintang-bintang). Nama tersebut merupakan satu doa agar pondok itu dapat melahirkan para ulama dan pejuang Islam. (Fadhullah Jamil, 1994:78-79)

Di Perak, sekolah pondok yang terkenal ialah Pondok Rahmaniah yang ditubuhkan di Gunung Semanggol pada tahun 1918 Masihi. Tuan guru pondok ini ialah Ustaz Haji Abdul Rahman bin Mahmud yang mendapat pendidikan dari Universiti al-Azhar dan *Masjidil Haram*. Pondok ini hanya dibuka untuk para pelajar lelaki, yang terdiri dari golongan muda dan orang-orang tua. Sekolah ini menempatkan para pelajar yang datang dari jauh, ke dalam asrama yang berupa pondok-pondok dengan dikenakan

sedikit bayaran. Pada zaman kegemilangannya, pondok ini dikatakan mempunyai 120 orang pelajar. (Nabir Abdullah, 1976:29-30)

Institusi pondok juga amat popular di Kedah. Antara pondok yang terkemuka ialah Pondok Haji Hussein yang terletak di Langgar. Pondok ini dibina pada tahun 1890-an dalam kawasan tanah wakaf yang luasnya kurang dari 1 ekar. Dalam kawasan ini, terdapat pondok-pondok pelajar yang didirikan dari atap nipah. Tuan Haji Hussein yang merupakan pengetua pondok ini mendapat pendidikan agama dari sekolah pondok yang lain. Beliau bertanggungjawab merangka kurikulum sekolah dan menentukan kitab-kitab yang digunakan dalam pengajaran. (Syarifah Zaleha, 1985: 104-107)

Pondok yang terkemuka di Terengganu ialah pondok di Pulau Manis, Ulu Terengganu. Pondok ini diasaskan pada kurun ke-17 Masihi oleh Syeikh Abdul Malik yang dikenali juga sebagai 'Tok Pulau Manis'. Keluarganya berasal dari Baghdad dan kemudiannya telah bermastautin di Terengganu. Syeikh Abdul Malik pernah belajar di Aceh dan Makkah. Setelah beliau mengasaskan sekolah pondok di Pulau Manis, daerah itu mula menjadi terkenal dan sekolah tersebut bertahan sehingga awal kurun ke-20 Masihi. (Abdullah Ishak, 1995:192, Malaysia Kita, 1991:769)

Negeri Kelantan yang digelar 'Serambi Makkah' tentu mempunyai banyak sekolah-sekolah pondok. Antaranya yang terkenal ialah Pondok Kampung Tok Semian yang diasaskan pada kurun ke-19 Masihi. Tuan guru pondok ini ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Salih atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal. Selain itu, satu lagi sekolah pondok yang terulung di Kelantan ialah pondok di Pasir Tumbuh yang diberi nama *Madrasah al-Diniah al-Bakriah*. Pondok ini ditubuhkan pada tahun 1927 Masihi oleh Haji Yunus bin Awang Buang. Pondok ini masih memberikan pengajaran agama

kepada para pelajarnya sehingga waktu kebelakangan ini. (Muhammad Uthman el-Muhammady, 1983:4)

Begitulah keterangan ringkas mengenai beberapa buah pondok terkenal di Tanah Melayu. Kewujudan sekolah-sekolah pondok membuktikan pendidikan pondok pada suatu ketika dulu pernah memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu.

Kesimpulan

Secara umumnya, institusi pengajian pondok muncul di Alam Melayu sejak awal abad ke-19 Masihi. Walau bagaimanapun, institusi ini dikatakan telah wujud di Melaka sejak kurun ke-15 Masihi. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 1511 Masihi, institusi pondok berpindah ke Aceh, kemudian ke Patani dan akhirnya telah menular pula di seluruh Tanah Melayu.

Institusi ini merupakan satu pengajian berbentuk formal, di mana para pelajar tinggal di asrama-asrama yang dipanggil pondok. Di situ, mereka akan mempelajari agama secara teori dan praktikal dari tuan-tuan guru yang berkebolehan. Sistem pendidikan ini amat popular di kalangan masyarakat Melayu silam dan mampu bertahan lebih kurang satu abad.